

TESIS  
(Thesis)

CN: 00000 11781

SEJARAH PERKEMBANGAN SENI UKIR KAYU MELAYU TRADISI DI  
MALAYSIA

KAJIAN AKHIR INI TELAH DIHANTAR KEPADA JABATAN SENIBINA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SEBAGAI SYARAT MATA PELAJARAN ARC  
471 - HISTORY OF ARCHITECTURE.



Bagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

NAMA : HANIZAN BIN MAT HUSSEIN  
KIP ITM : 87200087  
KURSUS : DIPLOMA SENIBINA  
TAHUN : 04  
SEMESTER : 06  
KAJIAN : SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKIR

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

DENGAN INI ADALAH DISAHKAN BAHAWA KAJIAN AKHIR INI TELAH  
DISEDIAKAN OLEH :

NAMA : HANIZAN BIN MAT HUSSEIN

KAP ITM : 87200087

KAJIAN AKHIR INI TELAH DIBACA DAN DISAHKAN OLEH :

PENYELIA : ENCIK AMRAN BIN ABDUL RAHMAN

TANDATANGAN : 

TARIKH : Mei 1991

## PRAKATA

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyalurkan Kajian Akhir ini.

Semasa saya pergi ke Negeri Kelantan pada tahun 1990 yang lalu untuk membuat lukisan terukir, saya dapati rumah-rumah lama di sana banyak dihiaskan dengan ukiran-ukiran yang menarik. Kenalusan seni ukirnya membuat saya tertarik dan di dalam hati saya timbul satu minat untuk membuat satu kajian tentang seni ukir tersebut.

Jadi apabila saya dikehendaki membuat Kajian Akhir mengenai tajuk yang berkaitan dengan sejarah saya telah memilih tajuk yang berkaitan dengan seni ukir. Pada mulanya saya ingin mengambil ukiran secara umum dengan mengambil contoh-contoh di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, tetapi atas nasihat Encik Amran saya menukarnya kepada contoh-contoh yang hanya terdapat di negeri kelahiran saya iaitu Perlis.

Saya berharap semoga kajian saya ini dapat memberikan munafaat kepada kita semua iaitu kepada diri saya sendiri dan rakan-rakan semua. Saya juga berharap agar warisan kesenian orang-orang Melayu seperti seni ukir ini tidak akan terpubus begitu sahaja. Terima Kasih.

Hanizan Mat Hussein

## PENGHARGAAN.

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Encik Amran selaku pensyarah penasihat bagi kerja krusus Kajian Akhir ini kerana banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saya bagi menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar beliau sudah pasti kajian ini tidak dapat disiapkan seperti yang ada ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pemilik-pemilik rumah yang telah memberi kerjasama dan membenarkan saya merakamkan gambar-gambar rumah mereka untuk dimuatkan ke dalam kajian ini. Mereka ialah Encik Ibrahim di Kampung Padang Lati, Puan Khatijah di Kampung Perawah dan Encik Juson di Kampung Padang Pauh.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Hairui Anuar kerana bertungkus-lumus menolong menaipkan semua Kajian Akhir ini.

Tidak ketinggalan juga diucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak memberi pertolongan bagi saya menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali diucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kaum keluarga saya kerana memberikan bantuan samada dari

segi keewangan, tenaga dan sokongan moral.

HANIZAN MAT HUSSEIN

---

# KANDUNGAN

---

## KANDUNGAN

PRAKATA	1
PENGHARGAAN	11
SINOPSIS KAJIAN	1
0.1 : PENDAHULUAN	1
0.2 : CARA KAJIAN	3
0.3 : TUJUAN KAJIAN	4
BAB 1 : PENGENALAN	5
1.1 : PENDAHULUAN	5
1.2 : PENDEFINIASIAN	6
1.3 : BANGSA MELAYU	7
1.4 : SENI UKIR MELAYU	9
BAB 2 : SENI UKIR KAYU TRADISI	13
2.1 : PENDAHULUAN	13
2.2 : KEADAAN SEBELUM ZAMAN PERALIHAN	14
2.3 : ZAMAN PENGARUH KEBUDAYAAN HINDU	15
2.4 : KEDATANGAN PENGARUH ISLAM DAN SELEPASNYA	16
2.5 : KEPELBAGAIAN CORAK SENI UKIR KAYU DI MALAYSIA	20

BAB 3 : PEMBUATAN UKIRAN KAYU	23
3.1 : PENDAHULUAN	23
3.2 : JENIS-JENIS KAYU	24
3.3 : PERKAKAS MENGUKIR	25
3.4 : PROSES PENGUKIRAN	26
BAB 4 : POLA-POLA UKIRAN	28
4.1 : PENDAHULUAN	28
4.2 : POLA BUJANG	29
4.3 : POLA PEMIDANG	30
4.4 : POLA LENGKAP	31
BAB 5 : ELEMEN-ELEMEN UKIRAN	32
5.1 : PENDAHULUAN	32
5.2 : ELEMEN MAKHLUK HIDUP	33
5.3 : ELEMEN TUMBUHAN	34
5.4 : ELEMEN GEOMETRI	35
5.5 : ELEMEN KALIGRAFI	36
5.6 : ELEMEN KOSMOS	37
BAB 6 : PERLETAKAN UKIRAN PADA RUMAH	38
6.1 : PENDAHULUAN	38
6.2 : PERENGGAN TIANG	39
6.3 : PERENGGAN DINDING	45
6.4 : PERENGGAN BUMBUNG	64
6.5 : KESIMPULAN	71



BAB 7 : KESIMPULAN

72

RUJUKAN

74

---

# SINOPSIS

---

## SINOPSIS KAJIAN.

### 0.1 : PENDAHULUAN.

Seni ukir Melayu dikatakan bermula sejak zaman kebudayaan batu hirus atau megalitik. Pada masa itu orang Melayu dikatakan mula mendirikan tuju-tuju batu yang membunyal nilai-nilai spiritual berhubung dengan kepercayaan yang mereka anuti pada ketika itu. Sejak dari itu seni ukiran tersebut terus berkembang dengan penggunaan bahan-bahan lain seperti logam dan kayu.

Pengaruh-pengaruh kebudayaan luar yang datang memberikan banyak kesan dalam seni ukir ini. Antara pengaruh-pengaruh tersebut ialah seperti pengaruh Hindu dan Islam. Pengaruh Islam merupakan pengaruh yang banyak terdapat pada hari ini kerana ia merupakan agama yang dianuti oleh orang Melayu hingga kini. Islam telah berjaya membentuk ukiran Melayu menjadi satu seni yang unik dan menarik. Mana-mana bentuk yang bertentangan dengan ajaran Islam beransur-ansur diubah dan ditinggalkan. Kesan-kesan tersebut dapat dilihat pada rumah-rumah dan istana Melayu lama.

Jika kita lihat pada warisan seni ukir yang ada pada hari ini, terdapat berbagai corak hias yang berbeza dari satu

dearah ke satu dearah dan dari satu negeri ke satu negeri. Ukiran di Johor didapati berbeza dengan ukiran di Kelantan. Ini adalah kerana orang-orang Melayu yang menetap di Malaysia kini datang dari pelbagai ceruk rantau Kepulauan Melayu dan mengembangkan pelbagai adat resam tempat asal mereka. Sesungguhnya jika kita kaji, teliti dan naviati, bumi Malaysia kita ini penuh dengan hasil karya seni yang tidak ternilai.

## U.2 : CARA KAJIAN

- (i) Mendapatkan bahan dari buku-buku.
- (ii) Mendapatkan bahan dari majalah.
- (iii) Membuat penyelidikan dari orang-orang yang berpengalaman.
- (iv) Meninjau ke rumah-rumah yang membunyai ukiran serta mengambil gambar.
- (v) Mendapatkan nasihat dari penyuaran benasihat.
- (vi) Meneliti semua sumber kajian dan membuat rumusan.

### 0.3 : TUJUAN KAJIAN

- (i) Mendenaibastikan sejarah asal seni ukir Melayu Tradisi.
- (ii) Mendenaibastikan bendaruh-bendaruh yang membawa perubahan kepada seni ukir Melayu.
- (iii) Menentukan tentang keberibadaan yang terdapat di dalam seni ukir Melayu kini.
- (iv) Melinat cara-cara pembuatan ukiran Melayu Tradisi serta bahan-bahan dan berkakas pembuatannya.
- (v) Mendedankan kepada generasi kini terhadap warisan seni tradisi yang amat berharga ini.
- (vi) Membuka jalan kepada rakan-rakan di masa nadaban untuk mendnasikan kajian yang lebih mendalam dalam bidang ini.

---

# BAB 1

---

## BAB 1: PENGENALAN.

### 1.1: PENDAHULUAN.

Peralihan dari zaman pra sejarah ke era zaman sejarah, terdapat satu zaman yang penting bagi orang Melayu iaitu Zaman Kebudayaan Batu Hidup atau Megalitik. Dikatakan pada zaman ini, bangsa Melayu mula mendirikan tuju-tuju batu yang mempunyai nilai-nilai spiritual berhubung dengan kepercayaan yang berbentuk animisme dan pemujaan leluhur yang mereka anuti ketika itu. Penemuan tuju-tuju tersebut membuktikan bahawa seni ukir telah lama bertapak bagi orang-orang Melayu dan terus berkembang mengikut pengaruh-pengaruh semasa.

Namun begitu di sini diperlukan pendefinasian yang lebih terperinci tentang perkataan 'seni', 'ukir' dan 'bangsa Melayu' serta kefahaman tentang pengaruh Islam.



## 1.2: PENDEFINISIAN.

'Seni' ialah hasil karya yang diciptakan dengan kebolehan atau kepandaian yang luar biasa. Dengan lain ayat seni merupakan karya yang dihasilkan dengan bakat.

Manakala 'ukir' pula merupakan hiasan atau ukiran yang dibuat dengan memahat (menoreh, menggores dan lain-lain) pada sesuatu benda.

Dari itu dapatlah disimpulkan bahawa 'seni ukir' adalah suatu hasil karya secara memahat yang diciptakan dengan bakat setelah membuat penghayatan terhadap perindai alam.

### 1.3: BANGSA MELAYU.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan 'Melayu' bermaksud nama bangsa atau bahasa mana-mana kaum yang mengikut cara hidup orang Melayu dan beragama Islam.

Di sini kita akan melihat tentang pendudukan orang-orang Melayu di Asia Tenggara amnya dan khususnya di Malaysia. Sebenarnya terdapat dua pendapat utama tentang pendudukan di Asia Tenggara. Pendapat pertama yang dikemukakan oleh Professor R. Von Heine-Geldern dan lain-lainnya menyatakan bahawa penduduk Asia Tenggara berasal dari Yunan yang berpindah ke sini secara berperingkat.

Manakala pendapat kedua pula menyatakan bahawa Asia Tenggara telahpun diduduki sejak pendinapan manusia bermula. Menurut pandangan ini orang-orang yang dikenali sebagai orang China, Thai, Khmer, Vietnam dan Melayu telahpun mengembangkan identiti tersendiri, bahasa yang berbeza, kebudayaan dan kerajaan semasa tinggal di daerah masing-masing di tanah besar Asia Tenggara.

Semasa Zaman Ais, kenaikan paras laut telah memisahkan penduduk seperti di Kalimantan dan Philipina. Ini berlaku sekurang-kurangnya 10,000 tahun dahulu.

Orang Melayu terawal yang dapat dikesan terdapat di dalam gua batu kapur di utara Semenanjung Malaysia. Dijumpai batu yang dibentuk dan kelengkapan dapur seperti tempayan, mangkuk dan cawan minuman yang mana menunjukkan tentang kemajuan dalam penghayatan seni.

Orang-orang Melayu yang menduduki di antara selatan Kamouchea dan Singapura dikatakan antara orang-orang Asia Tenggara terawal yang mengembangkan seni belayaran yang menjadi perhubungan dengan kawasan yang dibisahkan semasa Zaman Ais. Perhubungan laut ini telah membenarkan pertukaran kebudayaan antara mereka.

Penemuan batu-batu tuju yang dikatakan berasal dari Zaman Kebudayaan Batu Hidup atau Megalitik menunjukkan tentang penghayatan terhadap seni ukir oleh orang-orang Melayu sejak beribu-ribu tahun lampau.

#### 1.4: SENI UKIR MELAYU.

##### A) Seni Ukir Batu.

Di sini kita akan melihat contoh-contoh seni ukir pada batu di mana hanya merupakan bukti tertua tentang seni ukir orang Melayu sejak beribu-ribu tahun lampau yang dapat dilihat pada hari ini.

Tugu-tugu batu megalitik di Kompleks Seraran Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan, terdiri dari berbagai-bagai bentuk seperti pedang, dayung, sudu, kura-kura dan lain-lain lagi. Pada batu yang berbentuk pedang tersebut terdapat ukiran timbul yang berbentuk haiwan seperti naga atau ujar.

Pada sebuah batu kukup di Gua Tambun dekat Ipoh, Perak terdapat lakaran-lakaran lukisan karva manusia di zaman kuno. Ini membuktikan tentang penerokaan terhadap bidang seni telah bermula sejak masa lampau lagi.

Batu bersurat Trengganu yang bertarikh awal kurun ke empat belas merupakan bukti kepada kedatangan agama Islam ke Semenanjung Tanah Melayu. Hanya merupakan bahan seni terawal dijumpai selepas kedatangan Islam ke sini. Selain dari batu bersurat tersebut, bahan artifak seni daripada batu terawal dijumpai ialah batu nisan berukir seperti Nisan Batu Aceh.

Batu-batu nisan seperti ini terdapat di perkuburan-perkuburan lama seperti di Pekan Pahang, Kota Tinggi Johor serta di Perak, Trengganu dan Perlis.

Batu nisan berusia tua ini mempunyai bentuk yang unik serta terdapat tulisan khat yang sangat indah. Kehalusan tulisan khatnya amat sukar ditandingi.

B) Seni Ukir Logam.

Penggunaan logam dalam keperluan hidup manusia di Semenanjung Malaysia telah bermula sejak zaman purba lagi. Kebiasaan penggunaan logam di zaman purba merupakan sesuatu yang menarik kerana logam tidak boleh dipecah-pecahkan untuk menghasilkan sesuatu alat sebertimana yang dibuat daripada batu.

Logam perlu dileburkan terlebih dahulu sebelum dituang ke dalam acuan yang dibuat. Proses pembikinan tersebut merupakan kerja yang memerlukan kemahiran, pengalaman dan kesungguhan.

Penggunaan alat-alat daripada logam yang berukir berterusan hingga kini. Orang Melayu banyak menghasilkan berbagai alat daripada logam seperti emas, perak, suasa, tembaga dan lain-lainnya.

Seni ukir logam yang dihasilkan oleh tukang-tukang Melayu dapat dilihat pada senjata seperti lela rentaka, keris, lembing, pisau, alat-alat perhiasan diri, alat-alat permainan masa lapang, alat-alat pertanian, alat-alat perabut, alat-alat pemujaan dan sebagainya.

Colangan Rujukan & Perkhidmatan Pembaca  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

### C) Seni Ukir Kayu.

Seni ukir kayu merupakan seni pertukangan tangan yang telah lama wujud dalam masyarakat Melayu. Cara dan teknik pendukiran kayu adalah berbeza dari pendukiran pada logam dan batu.

Kayu merupakan bahan yang sesuai untuk diukir dan dijadikan struktur bangunan. Walaupun begitu ia hanya mudah terbakar dan reput jika tidak dipelihara dengan baik terutama sekali jika terdedah kepada hujan dan panas. Jadi ukiran kayu tidak dapat bertahan lama seperti ukiran batu dan logam.

Namun begitu, penggunaan kayu dari jenis terbaik dan tahan seperti cendai, merbau, kempas, penak, bacang hutan dan sebagainya dapat bertahan hingga beratus-ratus tahun. Penggunaan kayu tersebut dapat memelihara ketahanan ukiran dan mutunya.

Ukiran-ukiran kayu dapat dilihat pada rumah, istana raja, surau, wakaf, pintu gerbang, alat-alat permainan masa lapang, alat-alat pemuatan dan perbomohan, alat-alat perabut, alat-alat pertukangan, alat-alat pertanian, alat-alat senjata pendek, alat-alat memasak, alat-alat pakaian, perahu tradisional, kereta kuda, pedati, kereta lembu dan lain-lain lagi.

---

# BAB 2

---